

# Waspada pelbagai jenis buli

► **NUR'ADILAH MAHBOB**  
adilaham@sph.com.sg

IBU bapa perlu sedar bukan sahaja terhadap buli secara fizikal yang mungkin dialami anak mereka, malah bentuk buli lain seperti 'buli tersembunyi' dan buli di alam siber.

Pakar pendidikan, Dr Barbara Spears, berkata 'buli tersembunyi' (*covert bullying*) ialah jenis buli yang tidak mudah dikesan orang dewasa, dan ia termasuk tindakan merebak gosip, membuat ugutan menerusi pesanan ringkas, bahkan menerusi gerak geri menunjukkan kebencian yang boleh menyakiti kanak-kanak.

Bentuk buli ini juga semakin dikaitkan dengan buli di alam siber, sedang penggunaan media sosial semakin berleluasa, termasuk di kalangan kanak-kanak dan golongan muda.

Buli siber ialah gangguan yang dilakukan di Internet seperti ancaman menerusi e-mel atau pos yang mencemarkan nama baik seseorang menerusi Facebook.

"Jika buli tersembunyi ini ialah buli di balik tabir, buli siber pula ialah di balik skrin komputer," kata Dr Spears, dari Sekolah Pendidikan, Universiti South Australia.

Beliau diundang mengupas isu buli dalam forum anjuran Persatuan Kanak-Kanak Singapura di Politeknik Republik dekat Woodlands semalam.

Ia turut dihadiri Setiausaha Parlimen Kanan (Pendidikan merangkap Perhubungan dan Pen-

erangan), Cik Sim Ann; serta sekitar 200 pendidik, kaunselor dan pekerja khidmat sosial.

Katanya lagi, ibu bapa harus mengadakan perbincangan secara terbuka dari peringkat awal lagi, dan mengubah mesej mengikut peringkat usia anak itu.

Sebagai contoh, bagi anak kecil, ibu bapa harus meletakkan batas-batas yang sesuai dengan usia mereka di samping memupuk amalan baik menggunakan Internet.

Di peringkat remaja pula, ibu bapa harus memberi bimbingan di samping melindungi mereka.

"Ibu bapa harus cuba menjadi orang pertama yang dicari untuk mendapatkan maklumat kerana semakin ramai kanak-kanak dan anak muda yang 'mencari' maklumat menerusi enjin carian Google," kata Dr Spears.

Tetapi sedang anak itu menjangkau dewasa pula, ibu bapa harus membantu anak itu membuat keputusan sendiri dan menjadi 'warga digital beretika', kata Dr Spears.

Bapa tiga anak, Encik Lukman A. Rahim, yang menghadiri forum semalam berkata kadangkala susah membezakan jika satu perbuatan itu benar-benar dianggap buli, atau semata-mata satu perbuatan nakal.

"Biasalah kanak-kanak ini kadangkala nakal tetapi saya rasa ia menjadi satu masalah jika ia menjejaskan anak itu sampai dia tak mahu ke sekolah," kata Encik Lukman, jurutera, 48 tahun.